

08/10/1997

Pemaju diminta guna bahan tempatan

Ahmad Naim Tahir; Ismail Mat

BATU PAHAT, Selasa -Datuk Seri Anwar Ibrahim mahu pemaju hartanah di seluruh negara menggunakan bahan binaan keluaran tempatan sepenuhnya, dalam usaha mengurangkan beban penurunan nilai ringgit sekarang.

Menurut Timbalan Perdana Menteri, sektor berkenaan perlu memberi tumpuan dan galakan kepada industri tempatan yang kini sudah mengeluarkan pelbagai jenis bahan binaan bermutu.

"Pergantungan kepada barangan import dalam projek pembinaan sekarang boleh menyebabkan defisit dagangan berikutan kenaikan kos import berbanding kadar barangan negara yang dieksport.

"Kerajaan sedang berusaha mengurangkan hutang luar negara di samping menyelesaikan hutang semasa termasuk membuat pembayaran terhadap pinjaman sebelum tiba tempoh," katanya.

Beliau berucap merasmikan Bandar Putera Indah, membabitkan pembinaan lebih 12,000 unit kediaman pelbagai jenis oleh Jasa Vista Sdn Bhd di Tongkang Pechah di sini, petang ini.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, kerajaan yakin masalah ringgit dapat diatasi kerana kadar rizab dan tabungan negara masa berada pada tahap 39 peratus daripada kadar Keluaran Negara Kasar (KNK).

"Kita hanya perlu berbelanja mengikut pendapatan, mengurangkan hutang dan pada masa yang sama berusaha menyelesaikan hutang semasa yang dihadapi," katanya.

Mengenai persetujuan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) untuk mengkaji kaedah yang sesuai bagi memastikan ekonomi negara membangun tidak terus menjadi mangsa serangan spekulasi, Anwar percaya perkembangan itu ekoran ketegasan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengkritik kelompok tertentu yang menjejaskan ekonomi negara membangun.

Menurutnya, ketegasan Perdana Menteri menyuarakannya kebimbangannya terhadap tindak tanduk manipulator mata wang menyedarkan masyarakat antarabangsa, Asean dan IMF mengenai masalah itu.

"Saya dimaklumkan, IMF akan mengadakan perjumpaan Sabtu ini, bagi membuat kajian khas bagaimana hendak menetapkan peraturan untuk mengelak negara yang sedang membangun dan ekonomi yang berkembang daripada menjadi mangsa serangan spekulasi mata wang.

"Masalah mata wang negara dapat diatasi jika semua pihak di negara ini bekerjasama untuk menanganinya kerana ia hanyalah tempias daripada kejatuhan mata wang di negara jiran," katanya.

Turut hadir Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman, Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Pengerusi Jasa Vista, Tan Sri Redzuan Salim.

(END)